



SEGERA

Ruj. Kami : KDN.K.S.700-3/1/ 8 Jld.18 (10)
Tarikh : 2 November 2021

Pengarah

Syarikat Agensi Persendirian Yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971

YABhg. Tun/ YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

- i. **MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI DALAM NEGERI BERSAMA INDUSTRI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DAN AGENSI PERSENDIRIAN;**
- ii. **TAKLIMAT PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YABhg. Tun/ YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan maklum, **permohonan pembaharuan lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2022 telah bermula pada 4 Oktober 2021**. Selaras dengan seksyen 3 (4) Akta Agensi Persendirian 1971, semua syarikat kawalan keselamatan dan Agensi Persendirian adalah diwajibkan untuk memperbaharui lesen Agensi Persendirian sebelum 31 Disember setiap tahun.

3. Sehubungan dengan itu, Kementerian Dalam Negeri akan mengadakan Majlis Perjumpaan YB Menteri Dalam Negeri bersama Industri Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Agensi Persendirian bagi menyampaikan amanat kepada industri perkhidmatan kawalan keselamatan pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 25 November 2021 (Khamis)

**Masa : 8.30 pagi - 1.00 tengahari
(Pendaftaran: 7.30 pagi – 8.30 pagi)**

**Tempat : Dewan Plenari,
Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)**

Aturcara : Seperti di lampiran

4. Justeru itu, dua (2) orang Ahli Lembaga Pengarah yang telah lengkap dua (2) dos vaksin adalah **DIWAJIBKAN** hadir secara fizikal manakala selebihnya dikehendaki hadir secara maya. **Kegagalan** syarikat untuk hadir akan dianggap sebagai **tidak berminat dan tidak layak** untuk dipertimbangkan bagi pembaharuan lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2022. Selaras dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara 4.0, pihak syarikat diwajibkan untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang sesi perjumpaan berlangsung bagi memastikan penularan Covid-19 dapat dicegah.

5. Kerjasama dan perhatian YABhg. Tun/ YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengesahkan kehadiran secara *online* di pautan yang tertera di laman utama portal eSIMS (<https://bit.ly/3GSeOdQ>) **selewat-lewatnya sebelum atau pada 18 November 2021**. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi nombor di talian 03-8886 8311/ 8553.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAMMAD GHAZALI BIN MAMAT@MANSOR)

Bahagian Keselamatan
b.p: Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Datuk KSU
YBhg. Dato' TKSU (Keselamatan)
SUB K
SUSK kepada YB Menteri Dalam Negeri
SUSK kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri I
SUSK kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri II

Salinan luar:

Presiden
Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7,
Kelana Business Centre,
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya,
47301, Petaling Jaya,
Selangor

No Faks : 03-78038691 / 78867246

**TENTATIF PROGRAM MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI DALAM
NEGERI BERSAMA INDUSTRI PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN DAN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI MENYAMPAIKAN
AMANAT KEPADA INDUSTRI PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN**

**25 November 2021 (Khamis)
Dewan Plenari,
Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
KUALA LUMPUR**

- 7.30 pagi – 8.30 pagi - Sesi Pendaftaran**
- 8.30 pagi – 10.00 pagi - Sesi Taklimat Pembaharuan Lesen Agensi
Persendirian oleh Bahagian Keselamatan
kepada Ahli Lembaga Pengarah
Syarikat Kawalan Keselamatan Dan Agensi
Persendirian**
-

- 10.15 pagi : Ketibaan Dif-dif kehormat
- 10.30 pagi : Ketibaan YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan Bin Haji Abdul Aziz,
Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri
- 10.45 pagi : Ketibaan YB Timbalan-timbalan Menteri Dalam Negeri
- 11.00 pagi : Ketibaan YB Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin,
Menteri Dalam Negeri
- 11.05 pagi : Nyanyian Lagu Negaraku dan
Lagu Industri Perkhidmatan Keselamatan
- 11.20 pagi : Ucapan aluan daripada Presiden Persatuan Industri
Keselamatan Malaysia (PIKM)
- 11.35 pagi : Amanat YB Menteri Dalam Negeri
- 12.00 t/hari : Sesi Dialog YB Menteri Dalam Negeri
- 12.15 t/hari : Sidang Akhbar
- 1.00 t/hari : Jamuan Makan Tengahari